

**TEKS UCAPAN
YBHG DATO' SRI ALI HANSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
SEMPENA
DIALOG PERDANA PERKHIDMATAN
AWAM 2012**

**ANJURAN RAZAK SCHOOL OF
GOVERNMENT**

***PICC, 9 JULAI 2012
2.00 PM***

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib
Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia,

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Hj
Muhyiddin Hj Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia,

YBhg Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

YB-YB Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg Ketua-Ketua Jabatan,

YBhg Associate Prof Dr Hamidin Abdul
Hamid
Ketua Pegawai Eksekutif
Razak School of Government.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, salam sejahtera dan salam
1Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan
setinggi penghargaan dan ucapan terima
kasih diatas kesudian YAB Perdana Menteri
dan YAB Timbalan Perdana Menteri
meluangkan masa, bersama-sama dengan
para penjawat awam dalam Dialog Perdana
Perkhidmatan Awam hari ini.

Realiti semasa

Sektor perkhidmatan awam berhadapan dengan **realiti semasa** dimana teras perkhidmatan awam adalah untuk menyampaikan **perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah** (*value add*) kepada **rakyat**.

Keupayaan perkhidmatan awam memberi **nilai tambah yang tinggi** ditentukan oleh **6 prinsip** seperti yang digariskan oleh YAB PM baru-baru ini iaitu **Cepat, Tepat, Integriti (CTI)** dan **Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (PCI)**.

Kini **rakyat Malaysia** semakin **peka, berpendidikan tinggi** dan mempunyai

espektasi yang kian meningkat terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Penjawat awam hendaklah sentiasa **bersedia untuk transformasi** daripada segi pemikiran, sikap dan budaya kerja seiring dengan arus perdana.

Engagement

Pihak Kerajaan kini gigih membentuk **perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi dan berinovasi**, mewujudkan **perkhidmatan awam yang mapan, moden dan berkualiti**. Untuk mencapai ke arah ini, **platform unik untuk perkongsian pengalaman dan idea** dan peluang untuk **berdialog secara konstruktif** adalah **diperlukan** demi mewujudkan senario

pemilikan secara bersama (*collective ownership*) terhadap apa-apa dasar atau pelan tindakan yang hendak dilaksanakan. Menerusi *collective ownership*, kejayaan pelaksanaan dasar adalah terjamin.

Kehadiran YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri pada hari ini juga mencerminkan '*collective ownership*' dimana mereka bersedia untuk mendengar pandangan dan bertukar-tukar pendapat dengan penjawat awam dalam memastikan dasar-dasar yang akan dilaksanakan dimiliki bersama. Dialog ini juga merupakan salah satu aktiviti 'turun padang' oleh barisan kepimpinan negara untuk mendekati penjawat awam.

6 Prinsip Baru Perkhidmatan Awam

Prinsip-prinsip yang menakhoda **perkhidmatan awam** juga mestilah **berpaksikan realiti semasa**. Ini adalah untuk memastikan bahawa **Perkhidmatan Awam** akan kekal relevan.

Realiti semasa dan kehendak oleh rakyat memerlukan **perkhidmatan** yang **disampaikan** dengan **Cepat** dan **Tepat** dalam memenuhi kehendak kumpulan **sasaran**. Penyampaian perkhidmatan juga mestilah disampaikan dengan **Berintegriti**.

Penjawat awam mestilah menyedari bahawa kita bergerak dalam kerangka dimana **sumber yang tersedia** adalah

terhad tetapi **Produktiviti** harus **dipertingkatkan**.

Kejayaan prinsip-prinsip perkhidmatan awam ini **bergantung kepada Kreativiti dan Inovasi** penjawat awam dalam **menerokai pendekatan baru** untuk **melaksanakan sesuatu dasar** dengan **kos rendah**, tetapi pada masa sama memberikan **impak tinggi** dan **pantas dilaksanakan** seperti **Blue Ocean Strategy**.

Kesemua anggota **penjawat awam** dari **pelbagai peringkat** pentadbiran **mempunyai peranan** demi memastikan kejayaan transformasi perkhidmatan awam.

Kerjasama diantara **kementerian** serta **jabatan** adalah **teras utama transformasi perkhidmatan awam** dimana **mentaliti silo mestilah diketepikan**. Dengan ini, **idea-idea baru** yang bukan bersifat konvensional akan dapat **dijanakan** daripada **pemikiran kreativiti dan pendekatan yang inovatif seterusnya meningkatkan lagi produktiviti penyampaian** sektor awam.

Penutup

Bagi pihak penjawat awam, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada kedua-dua YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri ke atas kehadiran mereka yang mencerminkan "**walk the talk**" dimana ia menunjukkan bahawa **engagement** diantara pemimpin

negara dan penjawat awam melalui Dialog seperti ini amat penting dalam proses transformasi perkhidmatan awam.

Saya juga berharap para pemimpin Perkhidmatan Awam di setiap lapisan untuk **turun padang bertemu rakyat** seperti yang ditunjukkan dan dibuktikan oleh barisan kepimpinan tertinggi negara pada hari ini.

Tahniah juga kepada Razak School of Government, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan PEMANDU di atas kerjasama menzahirkan platform baru untuk pemimpin perkhidmatan awam di peringkat pusat, negeri dan kerajaan tempatan berinteraksi secara terus dengan pemimpin tertinggi negara.

Sekian,
Wabilahi-taufik-wahidayah,
wasalamualaikum-warahmatulahi-
wabaraktuh.